



Ruj. Tuan: KPWK(S):03/82/09 Jld.2(194)

Ruj. Kami: SPA. S(KT)015/64(23)

Tarikh: 19 April 2010

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 1-6, Blok E
Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana
Jalan Dato' Onn
50515 KUALA LUMPUR
(u.p.: Puan Nur Ain Aili binti Abdullah)

Tuan,

**PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI SKIM PERKHIDMATAN
TUKANG MASAK GRED N1, N4 KE SKIM PERKHIDMATAN TUKANG MASAK
GRED N17 DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN
2009**

Dengan hormatnya surat tuan rujukan KPWK(S) : 03/82/09 Jld.2 (194) bertarikh 14 September 2009 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen kepada 249 orang Tukang Masak Gred N1, N4 ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009. Tawaran opsyen ini hanya layak ditawarkan kepada Tukang Masak lantikan tetap sahaja.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) mewakilkan kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menawarkan opsyen kepada pegawai;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama 30 hari dari tarikh surat tawaran diterima oleh pegawai;
- (iii) tarikh kuat kuasa opsyen ialah mulai 2 Julai 2009;
- (iv) gaji yang ditawarkan adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009; dan

- (v) mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk melaksanakan urusan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, borang opsyen dan syarat-syarat opsyen mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2009 kepada 249 orang pegawai lantikan tetap yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(CHAN HONG JIN)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.

☎ : 03-88856161
☎ : 03-88885039
✉ : chan@spa.gov.my